

Rakyat diminta buat persiapan hadapi kesan krisis Teluk

Mn. Iv. 9 SEP 1990

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat membuat persediaan bagi menghadapi kesan-kesan daripada krisis Teluk yang berkemungkinan akan berlarutan.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu menerima hakikat ini dan membuat persediaan untuk menghadapi masalah yang berpanjangan itu.

Katanya, kerajaan berpendapat krisis Teluk akan berlarutan dan

tidak mungkin dapat diselesaikan dalam jangka masa yang singkat kerana masalah berkenaan adalah rumit.

"Ini kerana di satu pihak tidak mahu berundur dan di satu pihak lain tidak boleh menyerang, keadaan ini akan mewujudkan kebuntuan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Mesyuarat selama tiga jam hari ini turut membincangkan

keadaan krisis Teluk itu.

Ditanya lebih lanjut mengenai persediaan itu, Perdana Menteri berkata, ia merangkumi soal ekonomi, pemiagaan, politik, negara dengan keadaan di Timur Tengah dan pendirian dalam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurut Perdana Menteri lagi, walaupun krisis tersebut menyebabkan kenaikan harga minyak yang boleh menguntungkan negara kerana hasil minyak negara dieksport tetapi ia akan menimbulkan kesulitan kepada negara-negara miskin.

"Negara - negara yang kaya juga sekiranya terpaksa membayar harga terlalu tinggi untuk membeli minyak, ia akan menjejaskan ekonomi mereka," katanya.

Buruk

Beliau berkata, Amerika Syarikat misalnya jika terpaksa membayar harga terlalu tinggi untuk minyak, ekonomi mereka akan merosot dan ini akan menjejaskan perdagangan Malaysia dengan negara itu serta antara Malaysia dengan Eropah.

"Jadi ia akan mempunyai kesan buruk kepada negara, sebab itu kita tidak suka kenaikan harga minyak," katanya.

Menurutnya, harga minyak sepatutnya naik pada paras yang terpatutan dan tidak terlalu tinggi ataupun secara perlahan-lahan atau sedikit demi sedikit.

Menjawab pertanyaan pemberita mengenai kenaikan sebanyak 0.5 peratus kepada kadar asas pinjaman (BLR), Perdana Menteri berkata, kenaikan itu tidak ada kena-mengena dengan krisis Teluk tetapi masalah yang telah lama dibangkitkan.

Beliau berkata, kenaikan itu tidak akan mendatangkan kesan buruk kepada industri bank dan kemampuan orang ramai meminjam wang dari bank-bank.

Katanya, berbanding dengan negara lain, seperti Britain yang mengenakan 15 peratus, kenaikan itu masih di tahap rendah.